

Keprihatinan guru terhadap pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran bahasa Malaysia berdasarkan model penerimaan berasaskan keprihatinan

Open
Access

Teacher concern about learning through play approach in teaching Malay language based on adoption model

Roselita Ali @ Yusof ^{1,*}, Jamaludin Badusah ², Aliza Alias ², Rosldi Said ³

¹ Department of Education, Institute of Teacher Education Campus Tengku Ampuan Afzan, 27200 Kuala Lipis, Pahang, Malaysia

² Faculty of Education, National University of Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

³ Sultan Haji Ahmad Shah Vocational College, 27200 Kuala Lipis, Pahang, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 25 October 2016

Received in revised form 11 December 2016

Accepted 12 December 2016

Available online 8 January 2017

ABSTRACT

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai keprihatinan guru prasekolah terhadap pelaksanaan Pendekatan Belajar Melalui Bermain (PBMB) dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah. Kajian ini menggunakan Concerns-Based Adoption Model (CBAM) untuk melihat Peringkat Keprihatinan (Stages of Concern SoC) dan perbezaan demografi berdasarkan keprihatinan guru menggunakan PBMB dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah. Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan dengan mengemukakan soalan soal selidik yang menggunakan skala likert 7 mata. Sampel kajian ialah guru prasekolah di negeri Pahang seramai 472 orang. Menggunakan analisis deskriptif bagi melihat peringkat keprihatinan dan analisis inferensi Manova digunakan bagi melihat perbezaan peringkat keprihatinan berdasarkan demografi di kalangan guru terhadap penggunaan pendekatan PBMB dalam pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan peringkat keprihatinan guru dalam melaksanakan pendekatan PBMB ialah di Peringkat Kesan (PK4) (min=5.082, s.p=0.612) dan tidak menunjukkan peringkat keprihatinan yang sangat tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan peringkat keprihatinan guru berdasarkan jantina dan tahap pendidikan. Sumbangan kajian ini boleh digunakan kepada dunia pendidikan khususnya pentadbir pendidikan untuk mengenalpasti, mengubah peringkat keprihatinan terhadap penggunaan pendekatan menggunakan strategi yang sesuai dan berfokus bagi mengatasi halangan pertama sebelum guru ini menerima apa-apa pembaharuan pendidikan.

The purpose of this study was to evaluate the implementation of preschool teachers concern about Learning Through Play Approach (LTPA) in teaching Malay Language at a preschool. This Study uses Concerns Based Adoption Model (CBAM) to see the Stages of Concerns and the demographic differences to the concerns of teachers to use LTPA in teaching Malay Language at a preschool. The research method of this research is a survey by submitting questionnaire using a Likert scale of 7 points. The sample are preschool teacher in Pahang, a total of 472 persons. Using descriptive analysis to see

* Corresponding author.

E-mail address: roselita828@gmail.com (Roselita Binti Ali @ Yusof)

the stages of concerns and Manova of inference which is used to see the differences based on demographics among teacher that use LTPA in their teaching. The findings show that the concerns of teachers in implementing the LTPA approach was at the Impact (PK4) stages (mean=5.082, SD=0.612) and does not indicate a very high level of concern. The findings also show that there are differences in the concerns of teachers by gender and level of education. The contribution of this study can be applied to world of education, especially education administrators to identify, change stage of concern to use LTPA with using appropriate strategies and focus in order to overcome the first hurdle before teachers receive any education reform.

Keywords:

Stage of concern, Play through learning,
Preschool

Copyright © 2017 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Berdasarkan dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) 2010 telah menetapkan beberapa standard Pengajaran dan Pembelajaran. Standard Kedua ialah guru prasekolah perlu menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak (*developmentally appropriate*) supaya pembelajaran berkesan dan membawa makna kepada murid. Guru prasekolah perlu menggunakan pendekatan mengikut kesesuaian standard kandungan dan standard pembelajaran yang hendak dicapai. Antara pendekatan yang harus digunakan ialah Pendekatan Belajar Melalui Bermain (PBMB).

Bagi melihat peringkat keprihatinan dan tahap penggunaan inovasi pendekatan ini di kalangan guru prasekolah bagi pengajaran membaca Bahasa Malaysia, kajian ini menggunakan Model Penerimaan Berasaskan Keprihatinan atau *Concerns-Based Adoption Model*(CBAM). Model ini dipilih berasaskan kecenderungannya dapat memaparkan perubahan dan pengenalpastian tingkah laku secara terperinci dan memudahkan intervensi dilakukan. Penulisan berkaitan kajian ini akan mengekal perkataan asal iaitu model CBAM dalam membuat penerangan kajian. Model CBAM digunakan untuk melihat peringkat dan pengaruh keprihatinan serta tahap penggunaan inovasi berasaskan Pendekatan Belajar melalui Melalui Bermain guru prasekolah terhadap dalam pengajaran Bahasa Malaysia prasekolah.

Sebagaimana dapatan kajian Zakiah [20], yang mana secara jelas menunjukkan kajian di Selangor yang melibatkan 20 buah sekolah tidak melaksanakan PBMB ini. Dinyatakan bahawa guru cukup faham tentang positifnya pendekatan ini tetapi ia sukar untuk dilaksanakan berikutan kekurangan pengetahuan, kemahiran dan panduan yang khusus untuk melaksanakan pendekatan ini. Sehubungan dengan ini menjadi satu keperluan kajian keprihatinan guru terhadap pengajaran membaca perlu dibuat bagi melihat dengan terperinci dan berfokus peringkat keprihatinan guru prasekolah dalam menggunakan inovasi Pendekatan Belajar Melalui Bermain dalam pengajaran membaca Bahasa Malaysia di Prasekolah

2. Tinjauan literatur

2.1. Model CBAM

Model CBAM banyak diguna pakai di luar negara bagi melihat dan mengenalpasti tingkah laku seseorang individu. Ia banyak digunakan dalam organisasi-organisasi yang melibatkan pentadbiran. Ia banyak juga digunakan dalam kajian pendidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Hall & Hord [14] yang menyatakan bahawa Model CBAM ini adalah model yang paling kukuh, empirikal berasaskan teori rangka kerja untuk memahami proses pelaksanaan inovasi pendidikan. Kekuatan Model CBAM ialah ia boleh digunapakai dalam kajian keprihatinan berasaskan persekitaran

pendidikan. Model CBAM juga diterima baik dalam pendidikan kerana beberapa kelebihan. Pertama, dimensi peringkat keprihatinan dapat mengukur tujuh peringkat keprihatinan dengan mengambil kira keprihatinan guru sebelum pelaksanaan sesuatu inovasi. Kedua, ia boleh menilai, digunakan sepanjang masa, ada kesinambungan dengan keprihatinan guru yang berkaitan dengan inovasi. Ketiga, ia tahu guru akan melalui peringkat siri psikologikal keprihatinan mengenai inovasi sebelum dan semasa ia dilaksanakan.

2.2. Pendekatan belajar melalui bermain dalam pendidikan prasekolah

Menurut Brewer [10] main diakui dapat menyokong perkembangan intelek di samping perkembangan sosial, emosi dan fizikal. Terdapat banyak kajian berkaitan Pendekatan Belajar Melalui Bermain di antaranya ialah kajian Chen Fong Peng [12] yang mana kajiannya adalah tentang kanak-kanak belajar melalui bermain dari perspektif dan praktik oleh pendidik awal kanak-kanak prasekolah di Singapura. Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan guru mentakrifkan bermain dengan pelbagai cara yang berbeza dan bersetuju bahawa permainan adalah penting kepada kanak-kanak bagi tujuan pembelajaran dan perkembangan di seluruh domain.

Jo Ann Sevier-Law [15] membuat penyelidikan inklusif dalam pendidikan awal kanak-kanak berkaitan perspektif guru dan penggunaan konstruktivisme serta bermain di dalam kelas bagi meningkatkan kebolehan kanak-kanak membina mengembangkan pengetahuan. Dapatan kajiannya menunjukkan bermain sangat penting kepada kanak-kanak yang kurang upaya atau pun tidak. Ia juga menunjukkan guru ini mempunyai perspektif yang positif terhadap konstruktivisme dan bermain. Ia digunakan dengan meluas di bilik darjah bagi mengembangkan pengetahuan. Ia juga menunjukkan bahawa guru ini menyepadukan konstruktivisme dan bermain dalam pengajarannya.

2.2.1. Objektif

Kajian ini mempunyai beberapa objektif. Antaranya ialah :

1. Mengenalpasti peringkat keprihatinan guru dalam melaksanakan Pendekatan Belajar Melalui Bermain pendidikan prasekolah dalam pengajaran Bahasa Malaysia.
2. Mengenalpasti perbezaan peringkat keprihatinan guru dalam melaksanakan Pendekatan Belajar Melalui Bermain pendidikan prasekolah dalam pengajaran Bahasa Malaysia berdasarkan jantina, lokasi, pengalaman dan tahap pendidikan.

2.2.2. Hipotesis kajian

Hipotesis ini menggunakan hipotesis nol bagi menjawab persoalan kajian.

Ho1: Tidak terdapat perbezaan peringkat keprihatinan guru dalam melaksanakan Pendekatan Belajar Melalui Bermain dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah berdasarkan jantina.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan peringkat keprihatinan guru dalam melaksanakan Pendekatan Belajar Melalui Bermain dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah berdasarkan tahap pendidikan.

3. Metodologi

3.1. Sampel kajian

Perkara yang perlu diambil kira dalam penentuan saiz sample ialah saiz yang mencukupi dan mewakili populasi. sampel yang mencukupi pula merujuk kepada saiz sampel yang cukup besar bagi

mbolehkan penyelidik membuat ramalan ke atas populasi Ary, Jacob & Razavieh , [5]. Sampel kajian ialah guru prasekolah di negeri Pahang seramai 472 orang.

3.2. Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan instrumen berbentuk soal selidik. Isi kandungan soal selidik, adalah berdasarkan Model CBAM oleh Hall dan Hord [14] . Penyelidik juga merujuk instrumen yang digunakan oleh pengkaji lain menggunakan Model CBAM iaitu Kamarul Azman [16] dan mengubah suai mengikut kesesuaian objektif kajian ini. Bahagian A adalah tentang maklumat latar belakang demografi, Bahagian B1 pula untuk mengukur peringkat keperihatinan guru terhadap pelaksanaan Pendekatan Belajar melalui Bermain dalam pengajaran Bahasa Malaysia.

3.2.1. Kajian rintis

Dalam kajian ini, satu kajian rintis dijalankan ke atas guru prasekolah di negeri Terengganu melibatkan tiga daerah. Responden kajian rintis ini ialah seramai 110 orang. Kajian rintis dijalankan bertujuan memastikan alatan kajian yang dibina adalah bersesuaian, di samping mempunyai bahasa yang mudah untuk difahami. Dapatan kajian rintis ini, menunjukkan nilai *Alpha Crombach* setiap sub konstruk peringkat keprihatinan ialah Peringkat Pemfokusan semula (0.781), Peringkat Kolaborasi(0.774), Peringkat Kesan (0.754), Peringkat pengurusan (0.706), Peringkat peribadi (0.793), Peringkat Maklumat (0.725), dan Peringkat Kesedaran(0.690). Nilai korelasi skor item yang diperbetulkan dengan jumlah skor adalah berada di antara 0.176 hingga 0.695. Keseluruhan item bagi konstruk peringkat keprihatinan mencatatkan nilai *Alpha Crombach* sebanyak 0.777 dan nilai ini adalah signifikan pada aras 0.05. Nilai yang diperolehi didapati melebihi aras 0.05, nilai indeks kepercayaan *Alpha Crombach* adalah tinggi apabila melebihi 0.70, Babbie [6], Pallant [18]; Mohd Majid [17]. Sehubungan dengan itu nilai *Alpha Crombach* dalam kajian ini yang diperolehi menjelaskan bahawa keseluruhan item (35) dapat mengukur peringkat keprihatinan guru.

4. Analisis dan dapatan data

4.1. Analisis deskriptif

Analisis ini dijalankan untuk melihat peringkat Keprihatinan guru dalam melaksanakan Pendekatan Belajar Melalui Bermain pendidikan prasekolah dalam pengajaran Bahasa Malaysia.

Dapatan ini menunjukkan peringkat Keprihatinan guru dalam melaksanakan PBMB dalam pengajaran Bahasa Malaysia prasekolah yang paling tinggi ialah Peringkat Kesan menunjukkan ($m=5.082$, $s.p=0.612$), kedua diikuti dengan Peringkat Peribadi ($m=4.936$, $s.p=0.671$), ketiga Peringkat Kolaborasi ($m=4.883$, Keempat Peringkat Pemfokusan semula iaitu ($m=4.769$, $s.p=0.644$), kelima Peringkat ialah Maklumat ($m=4.763$, $s.p=0.659$), ke enam Peringkat Pengurusan ($m=4.706$, $s.p=0.601$), dan peringkat yang paling rendah ialah Peringkat Kesedaran pula ialah ($m=4.486$, $s.p=1.022$). Berdasarkan analisis skala min dari sumber adaptasi Hall & Hord [14] menunjukkan semua peringkat keprihatinan kajian ini adalah tinggi tetapi tidak mencapai tahap keprihatinan yang sangat tinggi. Daripada dapatan tadi dapat dikatakan reponden cukup prihatin tentang kesan penggunaan Pendekatan Belajar melalui bermain dalam pengajaran Bahasa Malaysia kepada kanak-kanak prasekolah dengan skor min yang paling tinggi ($m=5.082$, $s.p=0.612$).

Jadual 1

Peringkat keprihatinan dalam melaksanakan Pendekatan Belajar Melalui Bermain dalam pengajaran Bahasa Malaysia

Peringkat Keprihatinan(PK)	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Peringkat Pemfokusan Semula PK (6)	472	4.769	0.644	Tinggi
Peringkat Kolaborasi PK (5)	472	4.883	0.648	Tinggi
Peringkat Kesan PK (4)	472	5.082	0.612	Tinggi
Peringkat Pengurusan PK (3)	472	4.706	0.601	Tinggi
Peringkat Peribadi PK (2)	472	4.936	0.671	Tinggi
Peringkat Maklumat PK (1)	472	4.763	0.659	Tinggi
Peringkat Kesedaran PK (0)	472	4.486	1.022	Tinggi

4.1. Analisis inferensi

Analisis MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan peringkat keprihatinan guru dalam melaksanakan PBMB dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah berdasarkan jantina. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian (*homogeneity of the varians-covariance matrices*) dengan menggunakan ujian Box's M (*Box's M test*). Hasil ujian Box's M (*Box's M test*) menunjukkan tidak terdapat perbezaan *varian-covarian* yang signifikan dalam kalangan pembolehubah bersandar untuk semua aras pembolehubah bebas dengan nilai $F = 1.719$ dan $\text{sig} = 0.010$ ($p > 0.001$). Terdapat perbezaan yang signifikan peringkat keprihatinan guru berdasarkan jantina dengan nilai Wilks' $\lambda = 0.929$, $F(1, 470) = 5.089$ dan $\text{sig} = 0.000$ ($p < 0.05$). Ini menunjukkan hipotesis nol (H_0) adalah ditolak.

Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di semua peringkat keprihatinan guru. Dari segi pemfokusan semula berdasarkan jantina dengan nilai $F = 16.159$ dan $\text{sig} = 0.000$ ($p < 0.05$). Nilai min guru lelaki (min = 5.11) mempunyai pemfokusan semula yang lebih tinggi berbanding guru perempuan (min = 4.73). Keprihatinan kolaborasi berdasarkan jantina dengan nilai $F = 19.252$ dan $\text{sig} = 0.000$ ($p < 0.05$). Guru lelaki (min = 5.26) mempunyai kolaborasi yang lebih tinggi berbanding guru perempuan (min = 4.84). Keprihatinan kesan berdasarkan jantina dengan nilai $F = 19.444$ dan $\text{sig} = 0.000$ ($p < 0.05$). Nilai min menunjukkan guru lelaki (min = 5.44) mempunyai kesan yang lebih tinggi berbanding guru perempuan (min = 5.04). Keprihatinan pengurusan berdasarkan jantina dengan nilai $F = 9.517$ dan $\text{sig} = 0.002$ ($p < 0.05$). Min guru lelaki (min = 4.96) mempunyai pengurusan yang lebih tinggi berbanding guru perempuan (min = 4.68). Keprihatinan peribadi berdasarkan jantina dengan nilai $F = 15.645$ dan $\text{sig} = 0.000$ ($p < 0.05$). Min menunjukkan guru lelaki (min = 5.29) mempunyai peribadi yang lebih tinggi berbanding guru perempuan (min = 4.90). Keprihatinan maklumat berdasarkan jantina dengan nilai $F = 6.172$ dan $\text{sig} = 0.013$ ($p < 0.05$). Guru

lelaki (min = 4.98) mempunyai maklumat yang lebih tinggi berbanding guru perempuan (min = 4.74). Keprihatinan kesedaran berdasarkan jantina dengan nilai $F = 8.194$ dan $\text{sig} = 0.004$ ($p < 0.05$). Dari segi min menunjukkan guru perempuan (min = 4.53) mempunyai kesedaran yang lebih tinggi berbanding guru lelaki (min = 4.09). Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol ($H_01.1$) ($H_01.2$) ($H_01.3$) ($H_01.4$) ($H_01.5$) ($H_01.6$) dan ($H_01.7$) adalah ditolak.

Jadual 2

Manova perbezaan peringkat keprihatinan guru dalam melaksanakan PBMB dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah berdasarkan jantina

Peringkat keprihatinan	Jantina	N	Min	Sisihan piawai	Type III Sum of Squares	df	Jumlah kuasa dua	F	Sig.
Pemfokusan semula	Lelaki	49	5.11	0.60	6.500	1	6.500	16.159	0.000
	Perempuan	423	4.73	0.64					
Kolaborasi	Lelaki	49	5.26	0.62	7.802	1	7.802	19.252	0.000
	Perempuan	423	4.84	0.64					
Kesan	Lelaki	49	5.44	0.61	7.015	1	7.015	19.444	0.000
	Perempuan	423	5.04	0.60					
Pengurusan	Lelaki	49	4.96	0.60	3.383	1	3.383	9.517	0.002
	Perempuan	423	4.68	0.60					
Peribadi	Lelaki	49	5.29	0.67	6.843	1	6.843	15.645	0.000
	Perempuan	423	4.90	0.66					
Maklumat	Lelaki	49	4.98	0.57	2.659	1	2.659	6.172	0.013
	Perempuan	423	4.74	0.67					
Kesedaran	Lelaki	49	4.09	1.21	8.444	1	8.444	8.194	0.004
	Perempuan	423	4.53	0.99					

Signifikan 0.05

Analisis Manova juga dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan peringkat keprihatinan guru dalam melaksanakan PBMB dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah berdasarkan tahap pendidikan. Ujian Box's M (*Box's M test*) menunjukkan terdapat perbezaan *varian-covarian* yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas dengan nilai $F = 2.136$ dan $\text{sig} = 0.000$ ($p < 0.001$). Ini bermakna, *varian-covarian* pemboleh ubah bersandar adalah tidak homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Ujian Manova kekal dijalankan kerana bilangan sampel yang dilibatkan dalam jumlah yang besar [Pallant 2007]. Terdapat perbezaan yang signifikan peringkat keprihatinan guru berdasarkan tahap pendidikan dengan nilai Wilks' $\lambda = 0.923$, $F(3, 468) = 1.800$ dan $\text{sig} = 0.015$ ($p < 0.05$). Ini menunjukkan hipotesis nol (H_04) adalah ditolak.

Jadual 3 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan peringkat keprihatinan kecuali peringkat keprihatinan kesan. guru dari segi pemfokusan semula berdasarkan tahap pendidikan dengan nilai $F = 2.118$ dan $\text{sig} = 0.097$ ($p > 0.05$). Nilai min guru tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda (min = 4.82) mempunyai pemfokusan semula yang lebih tinggi berbanding guru tahap pendidikan SPM (min = 4.76), STPM (min = 4.72) dan Diploma (min = 4.58). Keprihatinan guru dari segi kolaborasi berdasarkan tahap pendidikan dengan nilai $F = 1.672$ dan $\text{sig} = 0.172$ ($p > 0.05$). Min guru tahap pendidikan SPM (min = 4.92) mempunyai kolaborasi yang lebih tinggi berbanding guru tahap pendidikan ijazah sarjana muda (min = 4.92), STPM (min = 4.76) dan Diploma (min = 4.76).

Jadual 3

Manova perbezaan peringkat keprihatinan guru dalam melaksanakan PBMB dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah berdasarkan tahap pendidikan

Peringkat keprihatinan	Tahap pendidikan	N	Min	Sisihan piawai	Type III Sum of Squares	df	Jumlah kuasa dua	F	Sig.
Pemfokusan semula	SPM	118	4.76	0.65	2.619	3	0.873	2.118	0.097
	STPM	53	4.72	0.63					
	Diploma	50	4.58	0.39					
	Ijazah Sarjana Muda	251	4.82	0.68					
Kolaborasi	SPM	118	4.92	0.63	2.103	3	0.701	1.672	0.172
	STPM	53	4.76	0.65					
	Diploma	50	4.76	0.57					
	Ijazah Sarjana Muda	251	4.92	0.67					
Kesan	SPM	118	5.08	0.54	3.087	3	1.029	2.776	0.041
	STPM	53	5.06	0.59					
	Diploma	50	4.86	0.51					
	Ijazah Sarjana Muda	251	5.13	0.66					
Pengurusan	SPM	118	4.64	0.59	1.239	3	0.413	1.143	0.331
	STPM	53	4.70	0.65					
	Diploma	50	4.64	0.58					
	Ijazah Sarjana Muda	251	4.75	0.60					
Peribadi	SPM	118	4.95	0.66	.566	3	0.189	0.417	0.741
	STPM	53	4.96	0.75					
	Diploma	50	4.84	0.52					
	Ijazah Sarjana Muda	251	4.95	0.69					
Maklumat	SPM	118	4.81	0.64	1.633	3	0.544	1.252	0.290
	STPM	53	4.84	0.70					
	Diploma	50	4.62	0.58					
	Ijazah Sarjana Muda	251	4.75	0.68					
Kesedaran	SPM	118	4.44	1.03	4.304	3	1.435	1.374	0.250
	STPM	53	4.75	0.95					
	Diploma	50	4.45	1.03					
	Ijazah Sarjana Muda	251	4.46	1.03					

Signifikan 0.05

Keprihatinan guru dari segi pengurusan berdasarkan tahap pendidikan dengan nilai $F = 1.143$ dan $\text{sig} = 0.331$ ($p > 0.05$). Min guru tahap pendidikan ijazah Sarjana Muda (min = 4.75) mempunyai pengurusan yang lebih tinggi berbanding guru tahap pendidikan STPM (min = 4.70), SPM (min = 4.64) dan Diploma (min = 4.64). Keprihatinan guru dari segi peribadi berdasarkan tahap pendidikan dengan nilai $F = 0.417$ dan $\text{sig} = 0.741$ ($p > 0.05$). Min guru tahap pendidikan STPM (min = 4.96) mempunyai peribadi yang lebih tinggi berbanding guru tahap pendidikan SPM (min = 4.95), ijazah sarjana muda (min = 4.95) dan Diploma (min = 4.84). Keprihatinan guru dari segi maklumat berdasarkan tahap pendidikan dengan nilai $F = 1.252$ dan $\text{sig} = 0.290$ ($p > 0.05$). Min guru tahap pendidikan STPM (min = 4.84) mempunyai maklumat yang lebih tinggi berbanding guru tahap pendidikan SPM (min = 4.81), ijazah sarjana muda (min = 4.75) dan Diploma (min = 4.62). Keprihatinan guru dari segi kesedaran

berdasarkan tahap pendidikan dengan nilai $F = 1.374$ dan $\text{sig} = 0.250$ ($p > 0.05$). Min guru tahap pendidikan STPM (min = 4.75) mempunyai kesedaran yang lebih tinggi berbanding guru tahap pendidikan Ijazah sarjana muda (min = 4.46), Diploma (min = 4.45) dan SPM (min = 4.44). Namun, perbezaan min tersebut tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol ($H_{02.1}$), ($H_{02.2}$), ($H_{02.4}$), ($H_{02.5}$) ($H_{02.6}$) dan nol ($H_{02.7}$), adalah gagal ditolak.

Terdapat perbezaan yang signifikan peringkat keprihatinan guru dari segi kesan berdasarkan tahap pendidikan dengan nilai $F = 2.776$ dan $\text{sig} = 0.041$ ($p < 0.05$). Dari segi min menunjukkan guru tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda (min = 5.13) mempunyai kesan yang lebih tinggi berbanding guru tahap pendidikan SPM (min = 5.08), STPM (min = 5.06) dan Diploma (min = 4.86). Ini menunjukkan bahawa hipotesis nol ($H_{02.3}$) adalah ditolak. Bagi melihat perbezaan peringkat keprihatinan guru dari segi kesan berdasarkan tahap pendidikan dengan lebih terperinci, maka dijalankan ujian Pos Hoc Scheffe seperti Jadual 4 berikut.

Jadual 4

Pos Hoc Scheffe perbezaan peringkat keprihatinan guru dari segi kesan dalam melaksanakan PBMB dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah berdasarkan tahap pendidikan

(I) Kelulusan akademik	(J) Kelulusan akademik	Perbezaan min (I-J)	Ralat piawai	Sig.
SPM	STPM	0.02	0.10	0.997
	Diploma	0.21	0.10	0.229
	Ijazah Sarjana Muda	-0.06	0.07	0.879
STPM	SPM	-0.02	0.10	0.997
	Diploma	0.19	0.12	0.463
	Ijazah Sarjana Muda	-0.08	0.09	0.872
Diploma	SPM	-0.21	0.10	0.229
	STPM	-0.19	0.12	0.463
	Ijazah Sarjana Muda	-0.27	0.09	0.043
Ijazah Sarjana Muda	SPM	0.06	0.07	0.879
	STPM	0.08	0.09	0.872
	Diploma	0.27	0.09	0.043

Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan peringkat keprihatinan guru dari segi kesan dalam melaksanakan pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah antara tahap pendidikan Diploma dengan ijazah sarjana muda dengan catatan perbezaan min = -0.27 dan $\text{sig} = 0.043$ ($p < 0.05$). Dari segi min menunjukkan tahap pendidikan ijazah sarjana muda mempunyai kesan yang lebih tinggi dari tahap pendidikan Diploma. Seterusnya tidak terdapat perbezaan yang signifikan peringkat keprihatinan guru dari segi kesan dalam melaksanakan pendekatan belajar melalui bermain dalam pengajaran Bahasa Malaysia di prasekolah berdasarkan tahap pendidikan lainnya ($p > 0.05$).

5. Perbincangan

Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan guru prasekolah ini di peringkat keprihatinan kesan. Berdasarkan Model CBAM, ia adalah di peringkat keprihatinan yang tinggi tetapi bukanlah di peringkat sangat tinggi. Menurut Archie et. al [4] guru di peringkat keprihatinan kesan ini adalah individu ini yang memberi tumpuan kepada kesan inovasi pada pelajar di bawah bimbingannya. Pertimbangan yang diambil kira termasuklah perkaitan inovasi terhadap pelajar, penilaian pencapaian pelajar termasuklah prestasi dan kecekapan, dan perubahan yang diperlukan untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Seterusnya halangan keprihatinan guru dalam penggunaan

Pendekatan Belajar melalui Bermain juga adalah faktor intrinsik guru itu sendiri yang berkait tentang kepercayaan guru itu sendiri. Ini bertepatan dengan pendapat Boatright [9], faktor halangan yang lebih intrinsik kepada guru adalah seperti kepercayaan guru sendiri terhadap pedagogi dan teknologi, kesediaan untuk berubah dan persepsi integrasi inovasi teknologi untuk pengajarannya. Pendapat Ertmer [13], walaupun guru mempunyai cukup kecekapan, perisian, dan perkakasan, integrasi teknologi tidak dapat berlaku sekiranya halangan pertama ini tidak dapat diselesaikan. Kenyataan ini bersesuaian dengan pendapat Alreck & Settle [3] yang menyatakan sikap boleh bertindak sebagai halangan intrinsik untuk mempengaruhi seseorang bersikap negatif.

Penyelesaian kepada halangan keprihatinan ini juga boleh dibuat oleh seseorang individu guru dengan meningkatkan efikasi sendiri. S.R.T. Tasriff et. al [19] mentakrifkan efikasi sendiri sebagai penilaian individu terhadap kebolehan dirinya untuk merancang dan melaksanakan tugas bagi mendapatkan hasil yang diharapkan. Tingkah laku yang bermotivasi tinggi adalah merujuk kepada proses kognitif secara sadar yang mana ianya melibatkan keupayaan untuk menetapkan matlamat dan ganjaran, membuat pertimbangan, penilaian dan membuat keputusan. Bandura [7] menyatakan efikasi sendiri merupakan satu aspek yang penting dalam merealisasikan kejayaan individu dalam kerjaya. Menurut Ainon [1] tingkah laku seseorang individu itu amat dipengaruhi oleh konsep dirinya. Penyeliaan pengajaran guru secara berterusan juga dapat mempengaruhi prestasi pengajaran guru dan seterusnya dapat meningkatkan keprihatinan guru. Menurut A.K. Ariffin et. al [2] penyeliaan pengajaran guru amat penting untuk meningkatkan prestasi pengajaran di kalangan guru-guru di sekolah. Aspek pengajaran, amalan penyeliaan di dalam kelas di sekolah perlu diteruskan, disemak semula untuk menjadikannya relevan dari masa ke semasa. Menurut A.K. Ariffin et. al [2] lagi penyeliaan di sekolah oleh pihak pentadbir dapat membantu guru meningkatkan kualiti pengajaran dan menjadikan mereka lebih efektif. Jelas sekali Peningkatan efikasi sendiri dan penyeliaan pengajaran berterusan ini dapat meningkatkan keprihatinan guru, apalagi sekiranya ia ditambah dengan motivasi yang tinggi oleh diri guru sendiri oleh pihak pentadbiran pendidikan seperti pentadbir sekolah, Pentadbiran Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian Latihan Dalam Perkhidmatan.

Melihat kepada perbezaan keprihatinan berdasarkan jantina, Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru perempuan hanya lebih tinggi peringkat keprihatinan kesedaran berbanding dengan guru lelaki. Namun demikian, peringkat keprihatinan yang lain iaitu maklumat, peribadi, pengurusan, kesan, kolaborasi dan pemfokusan semula didapati guru lelaki lebih tinggi keprihatinannya terhadap pelaksanaan PBMB di dalam amalan pengajarannya. Centikaya [11] juga mendapati bahawa terdapat perbezaan terhadap keprihatinan guru berdasarkan jantina. Secara spesifiknya, guru lelaki dilaporkan lebih peringkat keprihatinan kesedaran daripada pendidik perempuan. Kajian Bati [8] di Oman juga turut mendapati bahawa terdapat hubungan antara tahap penggunaan dan jantina. Di mana di dapati guru lelaki dan guru perempuan berbeza dari segi penerimaan Pendekatan Pembelajaran Aktif di kalangan pelajar atau diistilahkan Pendekatan SAL (*Student –Active Learning Approach*). Bagi tahap pendidikan, kajian Bati [8] yang mana di dapati tahap pendidikan secara positif berkait dengan perbezaan tahap penggunaan Pendekatan SAL. Ini bermakna semakin tinggi tahap pendidikan semakin tinggi tahap penggunaan inovasi.

6. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bagi melihat peringkat keprihatinan, perbezaan jantina dan tahap pendidikan guru dalam melaksanakan PBMB. Pengenalpastian peringkat dan perbezaan demografi guru ini dapat membantu pentadbir guru, *School Improvement Specialist Coach* (SISC), pihak Kementerian Pendidikan menyediakan strategi Latihan dalam Pembangunan (LDP) yang bersesuaian bagi

meningkatkan motivasi, dan amalan inovasi PBMB dalam pengajaran guru yang seterusnya dapat meningkatkan pencapaian anak-anak didik prasekolah.

Rujukan

- [1] Ainon Mohd. Psikologi Orang Berjaya. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd. Kuala Lumpur, 2001.
- [2] Ariffin, A. K., A. R. Idrisb, and Z. Abdullahc. "The Relationship between Teaching Supervision with Teachers' Motivation in Secondary Schools." *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Science* 1, no 1. (2015): 1-11.
- [3] Alreck, Pamela L., and Robert B. Settle. *The survey research handbook*. 2004.
- [4] Archie A. George, Gene E. Hall, Suzanne M. Stiegelbauer. Measuring implementation in schools: The stages of concern questionnaire. Ed. ke-3. SEDL, 2013.
- [5] Ary, D., Jacob, L.C., Razavieh, A. Introduction to research in education. Ed ke-6. Belmont: Wadworth/ Thomson Learning, 2002.
- [6] Babbie, E.R. Survey research methods. Ed ke-2. Wadworth, Cengage Learning, 2000.
- [7] Bandura, Albert. Social foundations of thought and action: A social cognitive theory. Prentice-Hall, Inc, 1986.
- [8] Al Shekaili, Bati. "The Relationship between the Teachers' Levels of Use and Their Demographic Characteristics in the Adoption of the Student-Active Learning Approach in EFL Classrooms in Oman: A Quantitative and Exploratory Relational Study." *IJAEDU-International E-Journal of Advances in Education* 1, no. 2 (2015): 132-141.
- [9] Boatright, Tami. "Technology Integration for Common Core State Standards Implementation: Developing Differentiated Professional Development based on the Concerns-Based Adoption Model." PhD diss., BRANDMAN UNIVERSITY, 2015.
- [10] Brewer, Jo Ann, and Jo Ann Brewer. *Introduction to early childhood education: Preschool through primary grades*, Pearson Education Inc. 2004.
- [11] Çetinkaya, Bülent. "Understanding teachers in the midst of reform: Teachers' concerns about reformed sixth grade mathematics curriculum in Turkey." *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education* 8, no. 3 (2012): 155-166.
- [12] Chen, Fong Peng. "Children Learning Through Play: Perspectives and Practices of Early Childhood Educators in Singapore Preschools Serving Children Aged Four to Six Years." PhD diss., University of Leicester, 2011.
- [13] Ertmer, Peggy A. "Teacher pedagogical beliefs: The final frontier in our quest for technology integration?." *Educational technology research and development* 53, no. 4 (2005): 25-39.
- [14] Hall, Gene E., and Shirley M. Hord. "Implementing change: Patterns, principles, and potholes." New Jersey, Pearson Education (2011).
- [15] Sevier-Laws, Jo Ann. *An Investigation of Inclusive Early Childhood Education Teachers' Perspectives and Use of Constructivism and Play in Classrooms to Enhance Children's Ability to Construct Knowledge*. ProQuest, 2008.
- [16] Kamarul Azman Abdul Salam. Penggunaan CBAM untuk menilai pengajaran guru dalam inovasi Kurikulum Prasekolah. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- [17] Mohammad Najib Konting. Kaedah penyelidikan pendidikan. Ed ke -7. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- [18] Pallant, J. SPSS Survival manual. A step by step guided to data analysis using SPSS for window (version 12) ulang cetak ke-2. New York, Open University Press, 2005.
- [19] S. R. F Tasriff , Abdull Rahman, R.H., and Abdul Patah, S. "Efikasi sendiri dan strategi Pembangunan kerjaya kakitangan sokongan." *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 4, no. 2 (2016): 125-135.
- [20] Zakiah Mohamad Ashari, Mohd. Kosnin, A., and Jiar, Y.K. "Keberkesanan modul Belajar Melalui Bermain terhadap kefahaman pengalaman pranombor kanak-kanak prasekolah". *International Seminar on Quality and Affordable Education*, no 2. (2013): 305-312.